

Bil. S 30

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TERBITAN-TERBITAN YANG TIDAK DIINGINI
(PINDAAN), 2007

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 25.
 3. Pemasukan bab-bab 2A dan 2B baru.
 4. Pemasukan bab-bab 4A hingga 4C baru.
 5. Pindaan bab 10.
 6. Pindaan bab 11.
 7. Pindaan bab 12.
 8. Pemasukan bab 13A baru.
 9. Pemasukan bab 15A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TERBITAN-TERBITAN YANG TIDAK DIINGINI
(PINDAAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak Diingini (Pindaan), 2007.

Pindaan bab 2 dari Penggal 25.

2. Bab 2 dari Akta Terbitan-Terbitan Yang Tidak Diingini, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan 2 takrifan baru yang berikut sejurus sebelum takrifan "terbitan berkala" —

" "boleh dibantah" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 2B;

"lucuh" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 2A;"

(b) dengan memotong takrifan "terbitan" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

" "terbitan" bermakna mana-mana yang berikut selain dari filem —

(a) apa-apa buku, majalah atau majalah berkala, sama ada dalam bentuk manuskrip atau akhir;

(b) apa-apa rakaman bunyi;

(c) apa-apa gambar atau lukisan, sama ada dibuat melalui grafik komputer atau pun selainnya tidak kira bagaimana jua pun dibuat;

(d) apa-apa gambar foto, negatif fotograf, plat fotograf atau slaid fotograf; atau

(e) apa-apa kertas, model, arca, pita, cakera, benda atau barang —

(i) yang telah dicetak atau ditera di atasnya dengan sebarang perkataan, pernyataan, tanda atau gambaran; atau

(ii) yang merekodkan atau menyimpan sebarang maklumat untuk didapati kembali dengan serta-merta atau pada masa depan yang boleh, dengan menggunakan sebarang komputer atau alat elektronik lain, dikeluarkan semula atau ditunjukkan sebagai apa-apa gambar, gambar foto, perkataan, pernyataan, tanda atau gambaran,

dan termasuk satu salinan sebarang terbitan;"

(c) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "terbitan" —

" "rakaman bunyi" bermakna apa-apa pita, cakera atau rakaman bunyi lain yang darinya bunyi boleh dikeluarkan semula tetapi tidak termasuk apa-apa runut bunyi filem."

Pemasukan bab-bab 2A dan 2B baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 2 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 2 —

"Makna lucah.

2A. Bagi maksud-maksud Akta ini, sesuatu terbitan itu adalah lucah jika kesannya atau jika terbitan itu mengandungi 2 atau lebih bahagian atau butiran yang berlainan, kesan mana-mana satu bahagian atau butirannya adalah, jika diambil seluruhnya, cenderung untuk merosakkan dan membinasakan akhlak orang yang mungkin membaca, melihat atau mendengar bahan yang terkandung atau termuat di dalamnya, dengan mengambil kira semua hal keadaan yang berkaitan.

Makna boleh dibantah.

2B. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, sesuatu terbitan itu boleh dibantah jika, pada pendapat seseorang pengawal atau pegawai yang diberi kuasa, terbitan itu, atau jika terbitan itu mengandungi 2 atau lebih bahagian atau butiran yang berlainan, mana-mana satu bahagian atau butirannya

menerangkan, menggambarkan, menyatakan atau pun selainnya berhubung dengan —

- (a) bahan-bahan seperti seks, seram, jenayah, kekejaman, keganasan atau pengambilan dadah atau bahan-bahan lain yang mengkhayalkan dengan cara bahawa adanya terbitan itu mungkin memudaratkan kebaikan awam; atau
- (b) bahan-bahan mengenai bangsa atau ugama dengan cara bahawa adanya terbitan itu mungkin menyebabkan perasaan perseteruan, benci, niat jahat atau permusuhan antara kumpulan-kumpulan bangsa atau ugama yang berlainan.

(2) Dalam memutuskan bagi maksud-maksud Akta ini sama ada sebarang terbitan boleh dibantah atau tidak, perkara-perkara yang berikut hendaklah dipertimbangkan —

- (a) setakat mana dan sejauh mana, dan cara bagaimana, terbitan itu —
 - (i) menerangkan, menggambarkan atau pun selainnya berhubung dengan perbuatan penyeksaan, menyebabkan kecederaan fizikal yang teruk, kelakuan seks atau keganasan paksaan yang ada kaitannya dengan kelakuan seks;
 - (ii) mengeksploitasi kebogelan mana-mana orang;
 - (iii) mendorong atau menggalakkan perbuatan jenayah atau perbuatan penganasan;
 - (iv) mengatakan, secara langsung atau tidak langsung, bahawa anggota mana-mana masyarakat atau kumpulan tertentu memang lebih rendah daripada orang ramai yang lain atau mana-mana masyarakat atau kumpulan lain;
- (b) impak media bagaimana terbitan itu disampaikan;
- (c) ciri terbitan itu, termasuk apa-apa merit, nilai atau kepentingan yang ada pada terbitan itu berkenaan dengan sastera, seni, sosial, kebudayaan, pendidikan, saintifik atau bahan-bahan lain;
- (d) standard-standard moral, kesopanan dan tatasusila yang pada amnya diterima oleh anggota masyarakat yang waras; dan

- (e) orang, golongan orang atau kumpulan umur orang yang kepadanya terbitan itu dimaksudkan atau mungkin disediakan.

(3) Persoalan sama ada sesuatu terbitan itu boleh dibantah atau tidak adalah suatu perkara untuk keputusan pakar oleh mana-mana orang yang diberi kuasa atau dikehendaki oleh atau menurut Akta ini untuk memutuskannya, dan keterangan tentang atau bukti mengenai sebarang perkara atau butir yang dia dikehendaki untuk menimbangkannya dalam memutuskan persoalan itu adalah tidak penting dalam pemutusannya, kecuali jika keterangan itu atau bukti mengenai perkara-perkara atau butir-butir itu ada, maka dia hendaklah menimbangkan keterangan atau bukti itu.

(4) Seseorang pengawal yang diberi kuasa oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah menyimpan dan menyelenggara suatu Daftar Terbitan Yang Boleh Dibantah yang mengandungi semua terbitan yang diputuskan oleh seseorang pengawal atau pegawai yang diberi kuasa sebagai boleh dibantah."

Pemasukan bab-bab 4A hingga 4C baru.

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 3 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 4 —

"Kesalahan-kesalahan yang melibatkan terbitan lucah.

4A. Mana-mana orang yang —

- (a) membuat atau mengeluarkan semula;
- (b) membawa masuk atau ada dalam milikannya bagi maksud-maksud untuk menjual, membekalkan, mempamerkan atau mengedarkan kepada mana-mana orang lain; atau
- (c) menjual, menawarkan untuk jualan, membekalkan, menawarkan untuk membekalkan, mempamerkan atau mengedarkan kepada mana-mana orang lain,

sebarang terbitan lucah, bukannya suatu terbitan yang dilarang, dengan mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai terbitan itu sebagai lucah adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kesalahan-kesalahan yang melibatkan terbitan yang boleh dibantah.**4B. Mana-mana orang yang —**

- (a) membuat atau mengeluarkan semula;
- (b) membawa masuk atau ada dalam milikannya bagi maksud-maksud untuk menjual, membekalkan, mempamerkan atau mengedarkan kepada mana-mana orang lain; atau
- (c) menjual, menawarkan untuk jualan, membekalkan, menawarkan untuk membekalkan, mempamerkan atau mengedarkan kepada mana-mana orang lain,

sebarang terbitan yang boleh dibantah, bukannya suatu terbitan yang dilarang, dengan mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk dipercayai terbitan itu sebagai boleh dibantah adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pemeriksaan dan perampasan terbitan lucas atau terbitan yang boleh dibantah.

4C. (1) Jika maklumat diberikan dengan mengangkat sumpah kepada seseorang majistret bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa ada di dalam mana-mana premis atau tempat sebarang terbitan lucas atau terbitan yang boleh dibantah (bukannya terbitan-terbitan yang dilarang) yang dengannya atau yang berhubung dengannya sebarang kesalahan di bawah bab-bab 4A atau 4B telah atau hendak dilakukan, atau sebarang peralatan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi tujuan untuk mempamerkan, membuat atau mengeluarkan semula terbitan-terbitan tersebut, maka majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang ditandatangani yang menurut kuasa waran itu mana-mana pegawai polis, pengawal atau pegawai yang diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu boleh —

- (a) dengan bantuan dan dengan kekerasan yang diperlukan, memasuki dan menggeledah premis atau tempat itu;
- (b) merampas terbitan-terbitan tersebut dan sebarang peralatan yang digunakan dalam mempamerkan, membuat atau mengeluarkan semula terbitan-terbitan tersebut; dan
- (c) menangkap mana-mana orang yang dipercayai dengan munasabah ada memiliki terbitan-terbitan atau peralatan tersebut.

(2) Mahkamah yang di hadapannya seseorang itu dituduh melakukan suatu kesalahan di bawah bab-bab 4A atau 4B boleh, sama ada dia disabitkan atas kesalahan itu atau tidak, memerintahkan supaya sebarang terbitan yang pada pendapat mahkamah sebagai suatu terbitan yang dilarang, suatu terbitan lucah atau terbitan yang boleh dibantah, dan sebarang peralatan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi mempamerkan, membuat atau mengeluarkan semula terbitan-terbitan yang ada dalam milikan pesalah yang diperkatakan itu atau di hadapan mahkamah, dimusnahkan atau diserahkan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri.

(3) Jika —

(a) dalam prosiding yang dibawa di bawah bab-bab 4A atau 4B berhubung dengan kesalahan itu tiada perintah dibuat di bawah cerai (2) tentang terbitan atau peralatan tersebut; atau

(b) prosiding itu tidak dimulakan dalam masa 3 bulan dari perampasan tersebut,

maka terbitan atau peralatan tersebut hendaklah dikembalikan kepada orang yang daripadanya terbitan atau peralatan tersebut dirampas atau, jika tidak dapat mengembalikannya dengan munasabah kepada orang itu, hendaklah dilupuskan menurut undang-undang yang mengawalselia pelupusan harta yang telah hilang atau tidak dituntut yang ada dalam jagaan polis."

Pindaan bab 10.

5. Bab 10 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong "bab-bab 11, 12 dan 13" dari baris akhir dan menggantikannya dengan "Akta ini";

(b) dalam cerai (2), dengan memotong "bab-bab 11 dan 12" dari baris akhir dan menggantikannya dengan "Akta ini".

Pindaan bab 11.

6. Bab 11 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong "terbitan yang pengimportan, penjualan atau pengedarannya adalah mendatangkan mudarat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Brunei" dari dua baris

terakhir dan menggantikannya dengan "terbitan yang dilarang, lucah atau boleh dibantah";

(b) dengan memansuhkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(2) Jika, semasa membuka dan memeriksa sebarang benda di bawah cerai (1), pengawal atau pegawai yang diberi kuasa itu mendapati sebarang terbitan yang dipercayainya atas alasan yang munasabah sebagai terbitan yang dilarang, lucah atau boleh dibantah —

(a) dia boleh menahan benda itu selama yang diperlukan untuk memulakan prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(b) jika prosiding itu tidak dimulakan dalam masa 3 bulan dari penahanan tersebut, dia boleh mengembalikan benda itu kepada pengirimnya atau, jika terbitan itu adalah terbitan yang dilarang, lucah atau boleh dibantah atau pengembalian benda itu tidak dapat dilakukan dengan munasabah, maka dia boleh, tertakluk kepada bab 15, memusnahkan atau menyebabkan supaya benda itu atau kandungan benda yang berisi sebarang terbitan tersebut dimusnahkan."

Pindaan bab 12.

7. Bab 12 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (2), dengan memotong "memikirkannya mudarat kepada keselamatan awam atau kepentingan awam dalam Brunei" dari baris-baris kelima dan keenam dan menggantikannya dengan "mempercayainya atas alasan yang munasabah sebagai terbitan yang dilarang, lucah atau boleh dibantah";

(b) dengan memansuhkan cerai (3) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

"(3) Sebarang terbitan yang dirampas di bawah cerai (2) boleh ditahan selama yang diperlukan untuk memulakan prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Akta ini atau, jika prosiding itu tidak dimulakan dalam masa 3 bulan dari perampasan tersebut, pegawai atau pegawai yang diberi kuasa itu —

- (a) boleh mengembalikan benda atau terbitan itu kepada orang yang daripadanya benda atau terbitan itu dirampas; atau
- (b) jika terbitan itu adalah terbitan yang dilarang, lucah atau boleh dibantah, atau pengembalian benda atau terbitan itu tidak dapat dilakukan dengan munasabah, boleh —
 - (i) tertakluk kepada bab 15, memusnahkan atau menyebabkan supaya benda atau terbitan itu dimusnahkan; atau
 - (ii) memerintahkan supaya terbitan itu dibawa keluar dengan serta-merta dari Negara Brunei Darussalam."

Pemasukan bab 13A baru.

8. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 13 —

"Pesalah korporat dan persatuan yang tidak diperbadankan.

13A. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini yang dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang pengabaian di pihak, seseorang pegawai badan korporat itu, dia dan juga badan korporat itu adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Jika urusan badan korporat itu diurus oleh ahli-ahlinya, ceraiian (1) hendaklah dikenakan berkenaan dengan perbuatan dan keingkaran seseorang ahli berhubung dengan tugas-tugas pengurusanannya seolah-olah dia adalah seorang pengarah badan korporat itu.

(3) Prosiding kerana suatu kesalahan yang dikatakan telah dilakukan di bawah Akta ini oleh suatu persatuan yang tidak diperbadankan hendaklah dibawa terhadap persatuan itu atas nama persatuan itu sendiri, dan bukan atas nama mana-mana ahlinya dan, bagi maksud-maksud sebarang prosiding tersebut, sebarang aturan mahkamah yang berkaitan dengan penyampaian dokumen hendaklah berkuatkuasa seolah-olah persatuan itu adalah suatu badan korporat.

(4) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini yang dilakukan oleh suatu perkongsian terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang pengabaian di pihak, seorang rakan kongsi, rakan

kongsi dan juga perkongsian itu adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(5) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini yang dilakukan oleh suatu persatuan yang tidak diperbadankan selain dari suatu perkongsian terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang pengabaian di pihak, seseorang pegawai persatuan itu atau seseorang ahli badan pentadbirnya, pegawai atau ahli itu dan juga persatuan itu adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(6) Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi pengenalan sebarang peruntukan bab ini, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang dianggap bersesuaian oleh Menteri, kepada suatu badan korporat atau persatuan yang tidak diperbadankan yang ditubuhkan atau diiktiraf di bawah undang-undang mana-mana negara atau wilayah di luar Negeri Brunei Darussalam.

(7) Dalam bab ini —

"pegawai" —

(a) berkenaan dengan suatu badan korporat, bermakna seorang pengarah, ahli jawatankuasa pengurusan, ketua eksekutif, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa badan itu atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut; atau

(b) berkenaan dengan suatu persatuan yang tidak diperbadankan, bermakna presiden, setiausaha, seorang ahli jawatankuasa persatuan itu, atau mana-mana orang yang memegang jawatan yang sama dengan jawatan presiden, setiausaha atau ahli jawatankuasa;

"rakan kongsi" termasuk mana-mana orang yang dikatakan bertindak sebagai seorang rakan kongsi."

Pemasukan bab 15A baru.

9. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 15 —

"Pengecualian.

15A. (1) Jika sebarang terbitan adalah suatu terbitan yang dilarang atau terbitan lucah atau boleh dibantah di bawah Akta ini, mana-mana orang boleh memohon pengecualian kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dari mana-mana peruntukan Akta ini berkaitan dengan terbitan itu.

(2) Setiap permohonan hendaklah dalam borang yang disediakan bagi maksud itu oleh seseorang pengawal yang diberi kuasa oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan hendaklah disertakan dengan bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan dengan peraturan-peraturan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Setelah menerima suatu permohonan di bawah bab ini berkenaan sesuatu terbitan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, jika berpuas hati bahawa terbitan itu sepatutnya disediakan untuk segolongan orang yang terhad atau orang tertentu atas sebab-sebab pendidikan, profesional, saintifik, seni atau teknikal, boleh mengecualikan golongan orang itu atau orang itu dari sebarang peruntukan Akta ini sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya berkaitan dengan terbitan tersebut bagi tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Suatu pengecualian di bawah bab ini boleh diberikan secara mutlak atau tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri."

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 17 haribulan Disember, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM